

AGENDA 5.3.1: LAPORAN SOKONGAN SUMBER MANUSIA

1. Tujuan

Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Universiti Putra Malaysia (UPM) tentang status sumber manusia UPM sehingga pada 18 Ogos 2017.

2. Latar Belakang

- 2.1 Sejak 2013, pihak kerajaan mengenakan dasar kawalan saiz perkhidmatan awam kepada semua agensi kerajaan. Pengurusan perjawatan dilaksanakan mengambil kira keutamaan untuk mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan. Dasar perjawatan yang ketat oleh JPA dan sumber kewangan perjawatan yang terhad, menyebabkan pengurusan dan pembangunan sumber manusia adalah lebih mencabar.
- 2.2 Salah satu dasar perjawatan kerajaan adalah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PB 3.3 berkuat kuasa 11 Mac 2016 menetapkan perkara berikut:
 - (a) Pelaksanaan satu-satu fungsi Kementerian/ Jabatan/ Badan Berkanun/ Pentadbiran Kerajaan Negeri perlu dilakukan secara kreatif dan inovatif agar dapat mencapai tahap produktiviti tertinggi berdasarkan sumber manusia sedia ada;
 - (b) Pewujudan jawatan baharu tidak dibenarkan kecuali melalui kaedah tukar ganti (*trade off*) dan pindah butiran (*redeployment*) serta tiada kewangan tambahan;
 - (c) Pewujudan jawatan baharu bagi jawatan kritikal yang terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan, kesihatan, keselamatan, penguatkuasaan dan kutipan hasil negara perlu dilaksanakan dengan kawalan ketat.

- 2.3 Waran jawatan kosong yang tidak diisi akan diserahkan kepada bank perjawatan KPT untuk digunakannya oleh Universiti lain yang memerlukan;
- 2.4 Selain itu, pengisian bagi sesuatu jawatan yang dikosongkan kerana persaraan, peletakan jawatan atau meninggal dunia, tidak boleh diisi dengan serta merta sebaliknya pengisian hendaklah mendapat kelulusan pengisian JPA. Pihak JPA juga menghadkan pengisian (*capping*) sebanyak 93% sahaja dari keseluruhan waran perjawatan agensi.

3. Implikasi Dasar Kerajaan Kepada Sumber Manusia UPM

Dasar perjawatan kerajaan dalam mengurangkan saiz perkhidmatan awam telah memberikan kesan yang ketara kepada bilangan staf UPM yang melibatkan staf bertaraf tetap dan kontrak dari pelbagai skim perkhidmatan JPA. Perbandingan tahun 2014 hingga Ogos 2017 seperti jadual berikut:

Kumpulan Perjawatan	2014	2015	2016	Ogos 2017
Pengurusan Tertinggi	200	186	169	163
Pengurusan & Profesional (Akademik dan Bukan Akademik)	2,840	2,739	2,654	2,459
Pelaksana	3,372	3,271	3,139	3,048
Bilangan Keseluruhan	6,412	6,196	5,962	5,670

- Pengurangan staf pada 2017 berbanding 2014 adalah seramai 742 orang (11.6%)

4. Sumber Manusia UPM: Berdasarkan Kumpulan Perkhidmatan

Sehingga Ogos 2017 keseluruhan sumber manusia UPM adalah seramai 5,803 orang yang mengambil kira skim perkhidmatan JPA (bertaraf tetap dan kontrak), skim dalaman Universiti (menggunakan peruntukan dalaman Universiti) dan pascal doktoral (menggunakan peruntukan Universiti Penyelidikan). Pecahan kumpulan perkhidmatan adalah seperti berikut:


Kumpulan	Bilangan
Pengurusan Tertinggi (JUSA)	163
Pengurusan dan Profesional Akademik	1,485
Penyelidik Akademik <i>[contoh: Tenaga Adjung, Tenaga Pelawat, Pengajar Khas, Sarjana Tamu, Felo Perunding dan Felo Penyelidik]</i>	72
Pascal Doktoral	61
Pengurusan dan Profesional Bukan Akademik	855
Pelaksana	3,048
Tutor	119
Jumlah Keseluruhan	5,803

5. Pensyarah Universiti

Jumlah keseluruhan Pensyarah Universiti sehingga Ogos 2017 adalah seramai 1,646 orang dengan 1,559 (94.65%) bertaraf tetap, 87 (5.39%) bertaraf kontrak manakala 1 (0.06%) adalah kemasukan secara pinjaman dari agensi luar. Perincian pecahan bilangan Pensyarah Universiti adalah seperti berikut:

Jawatan/Taraf Jawatan	Tetap	Pinjaman Keluar	Pinjaman Masuk	Kontrak	Jumlah
Profesor	114	5		32	151
Profesor (Perubatan)	10				10
Profesor Madya	353	6		27	386
Profesor Madya (Perubatan)	27			5	32
Pensyarah Kanan	783	2	1	21	807
Pensyarah	83				83
Pensyarah Perubatan	117			2	119
Pensyarah Perubatan Pelatih	58				58
Jumlah	1,545	13	1	87	1,646
<i>*Data Sehingga 18 Ogos 2017</i>					

Dari jumlah 1,646 Pensyarah Universiti pada 2017, peratusan berjawatan Profesor/Profesor (Perubatan) adalah sebanyak 9.78%, Profesor Madya/Profesor Madya (Perubatan) sebanyak 25.39%, Pensyarah Kanan adalah 49.03%, Pensyarah/Pensyarah Perubatan pula adalah 12.27% manakala Pensyarah Perubatan Pelatih adalah 3.52%.



6. Penyelidik Akademik dan Pascal Doktoral

Pelantikan Penyelidik Akademik menerusi Skim Dalaman Universiti telah membantu meningkatkan bilangan staf bagi keperluan dalam bidang kritikal dan bidang tertentu. Pelaksanaan skim ini membolehkan Universiti mendapat sumbangan dan kepakaran yang diperlukan.

Pada 2017, seramai 133 orang Penyelidik Akademik dan Pasca Doktoral dilantik untuk menyumbang kepada pelaksanaan fungsi pengajaran dan pembelajaran, dan penyelidikan dan pembangunan Universiti. Pecahan bilangan Kumpulan Penyelidik Akademik dan Pasca Doktoral adalah seperti berikut:

Jawatan	Jumlah
Tenaga Adjung	5
Tenaga Pelawat	1
Pengajar Khas	32
Sarjana Tamu	1

**LAPORAN SUMBER MANUSIA | AGENDA 5.3
[BAGI TEMPOH 1 JULAI 2016 – 15 OGOS 2017]**

Jawatan	Jumlah
Felo Perunding	3
Felo Penyelidik	30
Pasca Doktoral	61
Jumlah	133
<i>*Data Sehingga 18 Ogos 2017</i>	

Tiga kumpulan jawatan paling ramai adalah Pasca Doktoral iaitu 45.86%, diikuti Pengajar Khas sebanyak 24.06% dan Felo Penyelidik sebanyak 22.55%.

7. Tutor

Terdapat seramai 119 Tutor iaitu baki daripada perlantikan yang dilaksanakan pada 2011 dan tahun sebelumnya. JPA telah memansuhkan jawatan Tutor pada 1 September 2011. Pecahan Tutor mengikut Fakulti adalah seperti berikut:

Bil.	Fakulti	Jumlah
1.	Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi	7
2.	Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul	3
3.	Fakulti Ekologi Manusia	5
4.	Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	11
5.	Fakulti Kejuruteraan	9
6.	Fakulti Pengajian Alam Sekitar	2
7.	Fakulti Pengajian Pendidikan	11
8.	Fakulti Perhutanan	5
9.	Fakulti Pertanian	17
10.	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan	15
11.	Fakulti Perubatan Veterinar	3
12.	Fakulti Rekabentuk dan Senibina	10
13.	Fakulti Sains	7
14.	Fakulti Sains dan Teknologi Makanan	8
15.	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	3
16.	Fakulti Sains Pertanian dan Makanan	3
Jumlah		119

8. Bilangan Staf Akademik Berkelayakan PhD

Pensyarah Universiti yang berkelayakan PhD merupakan kekuatan sumber manusia universiti dan menjadi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM. Peratusan Pensyarah Universiti yang berkelulusan PhD adalah seramai 1,477 orang daripada 1,646 orang iaitu 89.73%.

Bilangan keseluruhan staf akademik (Pensyarah Universiti termasuk Penyelidik Akademik dan Pasca Doktorat) dengan kelayakan PhD pula adalah seramai 1,597 orang dari 1,779 orang iaitu 89.77%.

Jawatan	Bilangan Setakat 18 Ogos 2017
PENSYARAH UNIVERSITI	
Profesor	151
Profesor (Perubatan)	10
Profesor Madya	381
Profesor Madya (Perubatan)	32
Pensyarah Kanan	770
Pensyarah	11
Pensyarah Perubatan	117
Pensyarah Perubatan Pelatih	5
(A) Jumlah dengan Kelayakan PhD	1,477
(B) Keseluruhan Jumlah Pensyarah Universiti	1,646
PENYELIDIK AKADEMIK	
Tenaga Adjung	3
Tenaga Pelawat	1
Pengajar Khas	21
Sarjana Tamu	1
Felo Perunding	3
Felo Penyelidik	30
Pasca Doktorat	61

Jawatan	Bilangan Setakat 18 Ogos 2017
(C) Jumlah dengan kelayakan PhD	120
(D) Jumlah keseluruhan Penyelidik Akademik	133
(E) Keseluruhan Jumlah Staf Akademik dengan Kelayakan PhD (A+ C) = E	1,597
(F) Keseluruhan Jumlah Pensyarah Akademik (B + D) = F	1,779

9. Staf Akademik Antarabangsa Mengikut Negara

Setakat hari ini, seramai 90 orang staf akademik termasuk Penyelidik Akademik dan Pascal Doktoral antarabangsa yang berkhidmat di UPM berasal dari 25 buah negara, dengan bilangan tertinggi adalah dari Iran iaitu 25.56%, diikuti dengan India iaitu 12.22%, dan Bangladesh iaitu 7.78%.

Negara	Jumlah
Iran	23
India	11
Bangladesh	7
Indonesia	6
Iraq	6
Germany	4
Pakistan	4
United States	3
Yemen	3
Australia	2
Egypt	2
France	2
Jepun	2
Nigeria	2
Thailand	2
Uzbekitan	2
Ethiopia	1
Ghana	1
Korea Selatan	1
Libya	1

Negara	Jumlah
Philipines	1
Slovakia	1
Sri Lanka	1
Sudan	1
Turkey	1
Jumlah	90

10. Staf Bukan Akademik

Bilangan keseluruhan staf bukan akademik di UPM adalah seramai 4,024 orang iaitu 3,392 (84.29%) bertaraf tetap, 513 (12.75%) bertaraf kontrak, manakala 119 (2.96%) adalah Tutor yang berstatus sementara. Berikut merupakan perbandingan staf bukan akademik mengikut kumpulan dan taraf jawatan bagi 2016-2017.

Kumpulan	Tetap		Kontrak/Sementara		Jumlah	
	Disember 2016	Ogos 2017	Disember 2016	Ogos 2017	Disember 2016	Ogos 2017
JUSA	3	2	1	-	4	2
Kumpulan P&P Bukan Akademik	707	697	170	158	877	855
Pelaksana	2763	2693	376	355	3139	3048
Tutor	-	-	172	119	172	119
Jumlah	3473	3392	719	632	4192	4024

11. Staf Kontrak dan Implikasi Kewangan

Pelantikan staf kontrak adalah tertakluk sepenuhnya kepada peruntukan kewangan dibawah peruntukan kod objek OS29000 yang diterima dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan diagihkan kepada PTJ setiap tahun. Walau bagaimanapun bermula pada tahun 2016 semua lantikan kontrak di UPM adalah menggunakan peruntukan dalaman universiti sepenuhnya. Dalam usaha pelaksanaan pengoptimuman sumber manusia dan kewangan, Pihak Pengurusan Universiti telah bersetuju memperuntukan sebanyak RM50 juta bagi tahun 2016 dan jumlah tersebut

telah dikurangkan sebanyak 20% pada tahun 2017 iaitu sebanyak RM40 juta melibatkan jawatan akademik dan bukan akademik termasuk Tutor.

Bil	Kumpulan Jawatan	2016 Jumlah RM(juta)	2017 Jumlah RM(juta)
1	Akademik	33	26.4
2	Bukan Akademik	7	5.6
3	Tutor	10	8
JUMLAH		50	40

Sehingga Ogos 2017, implikasi kewangan bagi staf kontrak pada adalah berjumlah RM25.8 juta bagi kumpulan akademik manakala RM4.3 juta bagi kumpulan bukan akademik melibatkan seramai 672 orang staf.

Bil	Kumpulan Jawatan	Bilangan Staf	Implikasi Kewangan RM(juta)*
1	Akademik	159	25.8
2	Bukan Akademik	513	4.3
JUMLAH		672	30.1

** implikasi kewangan sehingga Ogos 2017*

12. Status Perjawatan Hospital Pengajar UPM

Hospital Pengajar UPM dijangka siap pada September 2018 dan pada masa kini kemajuan pembinaan Hospital ini telah mencapai 40%. Bagi memastikan perjalanan hospital ini beroperasi mengikut perancangan, UPM telah memohon mewujudkan sebanyak 1,555 perjawatan pelbagai gred dan skim perkhidmatan yang terdiri daripada 296 kumpulan P&P dan 1,259 kumpulan pelaksana bagi fasa awal pengoperasian HPUPM. Berikut merupakan status permohonan perjawatan hospital pengajar Universiti Putra Malaysia:

**LAPORAN SUMBER MANUSIA | AGENDA 5.3
[BAGI TEMPOH 1 JULAI 2016 – 15 OGOS 2017]**

Bil	Kumpulan Jawatan	*Waran Sedia Ada	**ABM 2017	***ABM2018	Jumlah Perjawatan
1.	Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik)	7	11	10	28
2.	Pelaksana	21	29	78	128
Jumlah Keseluruhan		28	40	88	156
<i>*Waran FPSK (28)</i>					
<i>**Poses Pengisian pada November 2017</i>					
<i>***Proses Pengisian pada Januari 2018</i>					
<i>#Tambahan 32 jawatan akan diberikan pada September 2018</i>					
<i>Kekuatan staf semasa HP mula beroperasi adalah 10%</i>					

13. Strategi dan Penambahbaikan Sumber Manusia

UPM telah melaksanakan beberapa strategi dan penambahbaikan sumber manusia pada 2016 dan 2017 ke arah mengoptimumkan sumber tenaga kerja bagi memastikan kualiti perkhidmatan Universiti dapat ditingkatkan secara berterusan, seperti berikut:

1. Menjalankan libat sama dengan pihak JPA dengan lebih kerap bagi menangani isu semasa perjawatan UPM khususnya:
 - (a) Pengisian jawatan yang dikosongkan kerana persaraan/peletakan jawatan/meninggal dunia;
 - (b) Pewujudan jawatan baru sebagai menyokong projek dasar baru Universiti;
 - (c) Penambahbaikan laluan kerjaya staf;
2. Pengisian waran kosong akademik dengan lebih giat oleh pusat tanggungjawab.

3. Pelantikan kontrak dilaksanakan berdasarkan keperluan kritikal bagi mengurangkan bebanan kewangan universiti. Universiti menyasarkan pengurangan bilangan staf kontrak sebanyak 20% setiap tahun sehingga 2020 dan pembiayaan emolumen staf kontrak menggunakan tabung amanah PTJ.
4. Pelantikan Penilai Luar dari luar negara sebagai Profesor Pelawat Kehormat untuk meningkatkan bilangan staf antarabangsa.
5. Perancangan pengisian jawatan Hospital Pengajaran UPM sebanyak 1,555 jawatan dilaksana dalam tempo 3 tahun daripada tarikh Hospital Pengajar mula beroperasi (2018-2020).
6. Inisiatif meningkatkan penggunaan dan penambahbaikan sistem teknologi maklumat dalam kecekapan urusan tadbir urus sumber manusia (melaksanakan pelan transformasi aplikasi sumber manusia dan lain-lain).
7. Memperkenalkan perkhidmatan Amal Putra iaitu usaha Universiti untuk mengekalkan tenaga pakar dalam kalangan pesara untuk terus menyumbang secara sukarela kepada Universiti.
8. Membangunkan bakat kepimpinan dan memantap pelan pengantian bakat Universiti.

14. Syor

Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dimohon mengambil perhatian berhubung:

- (a) Laporan mengenai sokongan sumber manusia UPM mengambilkira implikasi dasar kerajaan kepada sumber manusia UPM;
- (b) Strategi dan penambahbaikan sumber manusia mengambilkira kecukupan sokongan sumber manusia, sebagaimana keperluan standard, klausa 9.2.3
- (d).